

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG

TARIKH : 6 APRIL 2017

RUJUKAN : 9716

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan maklumat terperinci tentang bilangan orang yang telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan seterusnya didakwa ke Mahkamah dan disabitkan kesalahan, mengikut kesalahan mereka untuk setiap tahun daripada 2012 sehingga 2016.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) merupakan suatu akta yang digubal untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubungan dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ini jelas menunjukkan bahawa SOSMA merupakan suatu undang-undang berbentuk prosedur sahaja manakala jenis-jenis kesalahan yang melibatkan kesalahan keselamatan telah dinyatakan di dalam Jadual Pertama Akta tersebut.

Sejak Akta ini mula dikuatkuasakan pada 31 Julai 2012 sehingga 22 Februari 2017, seramai 979 orang telah ditahan di bawah Akta tersebut. Kesemua tangkapan ini merangkumi kesalahan yang pelbagai antaranya melibatkan keganasan, pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia serta pencerobohan di Lahad Datu.